

23/02/2001

Perpecahan menolak rahmat Allah

Maarop Md Noh

PERPECAHAN umat Islam bukan sesuatu yang baru. Rasulullah saw sendiri meramalkan umatnya akan berpecah kepada 73 golongan (firqah) dan hanya satu yang akan masuk syurga.

Perkara ini dinyatakan dalam beberapa hadis Rasulullah dan yang paling masyhur ialah hadis diriwayatkan oleh at-Tirmidzi yang maksudnya: "Orang Yahudi berpecah kepada 72 golongan dan orang Nasrani juga berpecah sebanyak itu, tetapi umatku akan berpecah kepada 73 golongan."

Tentu sekali perpecahan itu melanggar perintah al-Quran yang bermaksud hendaklah kamu berpegang teguh kepada tali (agama) Allah. (Surah Ali-Imran, ayat 103 dan 112).

Sebagai Nabi dan Rasul terakhir, Nabi Muhammad, selain bersih daripada segala dosa (maksud), Baginda dianugerahkan Allah swt mukjizat tinggi. Antaranya ialah al-Quran. Selain itu Nabi Muhammad tidak akan menyatakan sesuatu yang sia-sia atau kosong.

Perkara ini dijamin oleh Allah dalam al-Quran yang bermaksud: "Kawanmu itu (Muhammad) tidak sesat dan tidak pula pernah keliru, dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu adalah wahyu yang diturunkan kepadanya." (Surah an-Najmi, ayat 1-4)

Jumhur ulama tafsir, usuluddin, tasawuf dan muhaqiqin mengakui Nabi Muhammad tidak pernah berbohong. Perkara ini diperkukuh dengan sifat peribadi Baginda sendiri yang menjadi asas ketauhidan rasul (tauhidur rasul) dalam ikrar kalimah syahadah umat Islam.

Sifat itu ialah siddiq, ertinya sentiasa benar, kedua amanah, ketiga tabligh ertinya sentiasa menyampaikan semua wahyu Allah dan keempat fatanah ertinya cerdik.

Sebagai Nabi dan Rasul terakhir, ilmu pengetahuan yang diterimanya secara langsung daripada Allah, sama ada menerusi perantaraan Jibril atau bisikan langsung ke dalam hati Baginda mengajar membentuk kewaspadaan dan keprihatinan yang mendalam.

Menyedari umatnya tidak mampu mempertahankan kesatuan tunggal ummah, baginda mengingatkan mereka supaya bersatu.

Keadaan ini disedari baginda kerana Islam itu disuburkan di atas perpecahan kaum Arab jahiliah yang sememangnya tidak pernah bersatu berkurun lamanya.

Oleh itu, Rasulullah pernah berkata Islam itu dagang dan akan kembali dagang. (Maksud hadis Bukhari dan Muslim).

Perpecahan ummah bukan saja mengenai politik perkauman dan puak, malah merebak kepada perpecahan akidah yang cukup membahayakan masa depan ummah. Ini kerana perpecahan itu memberi peluang unsur pecah belah dari luar, terutama daripada golongan Yahudi dan Nasrani, menyusup masuk dan menghancurkan Islam dari dalam.

Semua tokoh sejarah Islam mengakui hakikat ini. Malah ulama terkini, Prof Dr Yusuf al-Qaradawi menjelaskan umat Islam menjadi lemah sehingga tidak mampu mempertahankan maruah diri, bangsa, agama, tanah air dan harta benda akibat perpecahan dalaman.

"Umat Islam kini seperti buih, tetapi tidak mempunyai sebarang kekuatan, sehingga apabila ada negara Islam diganggu oleh musuh Islam, umat Islam yang lain hanya mengeluh tanpa berbuat apa-apa," katanya dalam bukunya *Fi Fiqhil al-Awwaliyyat*.

Beliau sengaja merujuk kepada kedudukan Palestin sekarang yang terlalu menderita. Negara Islam yang kaya hanya mampu mengadakan mesyuarat Liga

Arab, kemudian tidak berbuat apa-apa. Begitu juga Persidangan Negara-negara Islam (OIC) hanya hidup pada nama, tetapi tidak berdaya mengangkat kepala dengan pertubuhan dunia lain.

Pandangan Dr Yusuf al-Qaradawi bukan retorika agama, tetapi satu kenyataan yang cukup jelas. Umat Islam sepatutnya menyusun strategi kukuh untuk menghadapi musuh bersama.

Sebagai contoh, Yusuf al-Qaradawi mencadangkan supaya umat Islam yang sudah menunaikan haji beberapa kali supaya menanggungkan hajinya tahun semasa. Wang perbelanjaan untuk menunaikan haji itu diisi ke dalam tabung Jihad Ummah.

"Umat Islam yang kini berjumlah hampir 1.2 bilion atau hampir 1.5 penduduk dunia adalah satu jumlah yang cukup ramai.

"Jika seorang umat menderma RM1 saja bererti dalam sekelip mata Tabung Jihad Ummah akan mempunyai modal sebanyak RM1.2 bilion," katanya.

Di Malaysia, misalnya, jika umat Islam menderma untuk Tabung Jihad Islam sebanyak RM1, bererti Malaysia boleh menyumbang sebanyak RM6 juta setahun. Bayangkanlah betapa kukuhnya kedudukan kewangan itu dan berapa banyak senjata canggih yang boleh dibeli untuk mempertahankan maruah Islam.

Malek bin Nabi pernah menyatakan pandangannya mengenai kelemahan umat Islam berpunca daripada perpecahan dalaman dan perebutan kuasa yang tidak munasabah. Ia adalah manifestasi ketidakmampuan umat Islam bersatu.

Seorang lagi tokoh sosiopolitik Islam terkenal, Ali Shari'ati dari Iran pernah menjelaskan, Islam hanya boleh menebus semula maruah diri dengan menghapuskan firqah (puak) dan bersatu di bawah satu payung - Islam.

Begitu juga, ulama kontemporari, Allahyarham Ismail Faruqi ketika mengulas hadis Nabi: "Demi Tuhan yang menguasai jiwa Muhammad, akan berlaku perpecahan umatku sebanyak 73 golongan. Hanya satu golongan yang akan masuk syurga. Yang lain itu akan masuk neraka. Sahabat bertanya, "siapakah yang satu golongan itu ya Rasulullah. Baginda menjawab golongan itu (firqah) ialah Ahli Sunnah wal-Jamaah." Hadis ini sebagai cabaran yang perlu ditebus oleh semua umat Islam.

Sebenarnya ramai lagi tokoh ilmuwan Islam berpendapat, Islam lemah kerana perpecahan dalaman. Malah Perang Salib (April 1096 Masihi, 489 Hijrah) yang menyebabkan penaklukan besar-besaran penjajah Barat terhadap dunia Islam berpunca daripada perpecahan umat Islam sendiri. (Rujuk Muhammad al-Arusi al-Mutawi dalam al-Hurubu as-Saalibiyati fil Masyriqi al-Maghribi)

Jika Islam terus berpegang kepada kesatuan ummah berasaskan tauhid seperti yang dibina oleh Rasulullah, pasti umat Islam tidak akan menjadi dagang di negara sendiri.

Untuk faedah bersama disenaraikan perpecahan umat Islam sejak khalifah keempat Saiyidina Ali wafat (598-661 Masihi ): Pertama firqah Syiah yang juga berpecah kepada 22 firqah, kedua Khawarij (20 firqah), ketiga Muktazilah (20 firqah), Murjiaah (5 firqah), Najariah (3 firqah), Jabariah dan Musybihah.

Dua lagi firqah iaitu, Bahaiyah dan Ahmadiyah Qadiani tergolong ke dalam firqah Syiah. Sementara firqah Qadariah tergolong ke dalam firqah Muktazilah.

Jumhur ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah tidak mengiktiraf semua 72 firqah atau golongan yang mengakui Islam itu, sebenarnya sudah menyimpang daripada ajaran Islam sebenar. Mereka dianggap menyimpang bukan saja dari segi kemasyarakatan, malah akidah.

Ada antara firqah itu yang menganggap Tuhan itu mempunyai persamaan dengan manusia. Misalnya, Musybihah yang juga berfahaman Allah mempunyai tangan dan duduk di atas kerusi. Kepercayaan ini sudah bercanggah dengan akidah tauhid yang menjelaskan Allah itu tidak menyamai sesuatu pun.

Sementara firqah Jabariah pula berpendapat manusia tidak mempunyai

sebarang kuasa. Ini bererti semua pergerakan manusia adalah pergerakan Allah.

Selain itu, iktiqad firqah Qadariyah menghina Allah dengan berpendapat Allah tidak mengetahui apa yang dilakukan manusia sebelum dikerjakan oleh manusia.

Setiap firqah atau golongan itu, mempunyai ketua mahir dalam ilmu al-Quran dan hadis. Tetapi mereka sengaja memutarbelitkan kitab suci dan hadis demi kepentingan mereka. Antara pemutar belit hadis paling terkenal ialah Abdullah bin Saba, seorang pendita Yahudi dari Yaman yang memeluk Islam dengan harapan untuk mendapat ganjaran seperti pangkat dan pelbagai lagi.

Tetapi apabila beliau tidak menerima sambutan yang diharapkannya itu lantas beliau menyokong golongan Syiah dan mencipta hadis palsu, antaranya mengenai wasiat Nabi Muhammad berhubung Saiyidina Ali Abi Talib. Beliauulah yang membangunkan gerakan menentang pemerintahan khalifah ketiga Saiyidina Usman Ibnu Affan.

Kita sengaja tidak memperinci keburukan 72 firqah yang diramalkan Rasulullah akan memasuki neraka itu. Tetapi kita ingin mengajak umat Islam kini supaya celik sejarah dan mempelajarinya secara mendalam supaya inti pati sejarah dapat membentuk peribadi Muslim sebenar.

Rasulullah walaupun menjamin golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah akan masuk syurga, namun jaminan ini akan berubah menjadi sebaliknya jika umat Islam tidak meletakkan jati diri Islam tulen dalam kehidupan mereka.

Umat Islam kini hampir menjadi pariah di negaranya sendiri akibat kegagalan membentuk dan mempertahankan jati diri kerana terpengaruh dengan budaya luar yang tidak pernah membawa manfaat, sama ada dari segi rohani atau jasmani.

Perpecahan itu berpunca daripada kepentingan politik sempit yang tidak menguntungkan. Misalnya ada parti Islam yang hanya mempergunakan Islam sebagai alat pancing undi dan ada pula yang berlindung di sebalik keadilan Islam untuk meraih simpati dan tidak kurang yang hidup di atas tulang belulang orang lain untuk berjaya.

Sepatutnya sebagai negara yang mendaulatkan Islam sebagai agama rasmi, umat Islam di negara ini boleh bangun sebagai umat contoh dan dihormati di seluruh dunia.

Dalam hal ini, tidak berlebihan jika dijelaskan pandangan jauh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengangkat Islam sebagai agama ilmu pengetahuan dan kekuatan politik adalah satu tindakan berani dan menyebabkan orang lain rasa terpinggir.

Perkara ini penting diperhatikan kerana Islam bukan agama khutbah, sebaliknya agama tatacara hidup yang syumul dan mentauhidkan Allah.

(END)